

# SePMA III Bakal Dianjurkan Di Surabaya



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan meneruskan penganjuran Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) kali ketiga dengan lokasi penganjuran diputuskan di Surabaya, Indonesia. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, penganjuran SePMA yang dijadualkan Mei ini diharap dapat mengembangkan lagi skop perbincangan dengan lebih tumpuan kepada isu-isu antarabangsa.

SePMA merupakan platform para ilmuan membincangkan mengenai pendidikan Melayu dari segi ekonomi, politik, sains, inovasi dan banyak lagi.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan perbincangan rasmi berhubung penganjuran SePMA dengan beberapa universiti antaranya Universitas Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA), Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Universitas Surabaya (UBAYA) dan Universitas Negeri Surabaya (UNESA), di Hotel Alana Surabaya. Selain perbincangan, UniMAP turut menandatangani dokumen kerjasama dengan Universitas Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA) dan Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS). UINSA diwakili oleh Pembantu Rektor Bidang Kemahasiswaan dan Kerjasama, Prof. Dr. Ali Mufrodi dan ITS diwakili oleh Dr. Hamzah Fansuri Ketua Jabatan Kimia, Fakulti Matematik dan Sains Semulajadi.